



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**PEGAWAI PERIKANAN KANAN (B.3)  
JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Perikanan.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI PERIKANAN KANAN  
JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang-bidang seperti berikut atau bidang bersesuaian:

- Biokimia
- Biologi Marin
- Ekonomi
- Kimia
- Matematik
- Mikrobiologi
- Perikanan
- Perundangan
- Sains Biologi
- Sains Perikanan
- Sains Sosial
- Teknologi Makanan

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perikanan sebagai Pegawai Perikanan atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

2. Bagi yang tidak mempunyai ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Jabatan Perikanan sebagai Pegawai Perikanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Selaku Ketua Divisyen di dalam Struktur Organisasi Jabatan Perikanan;
2. Bertanggungjawab dalam menyediakan perancangan yang strategik bagi menyumbang ke arah mencapai sasaran penghasilan industri perikanan yang telah digariskan;
3. Bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek-projek dalam bidang-bidang yang dikenalpasti bagi meningkatkan dan memudahkan penghasilan industri perikanan serta bidang-bidang yang berkaitan dengannya;
4. Bertanggungjawab dalam pentadbiran, pengurusan dan pembangunan sumber tenaga manusia dalam Divisyen berkenaan;
5. Bertanggungjawab dalam memastikan akta-akta perikanan dan peraturan-peraturan perikanan dipatuhi oleh semua pihak yang berkecimpung di dalam industri perikanan;
6. Bertanggungjawab dalam menyediakan anggaran perbelanjaan sama ada dibawah peruntukan tahunan mahupun dibawah Rancangan Kemajuan Negara bagi divisyen berkenaan; dan
7. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah Perikanan dan Timbalan Pengarah Perikanan dari semasa ke semasa.